

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN :

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan berapa jumlah dana yang Kerajaan telah berikan kepada AIM sejak penubuhan AIM sampai sekarang mengikut negeri dan wilayah.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah suatu pemerbadanan pemegang amanah yang diperbadankan pada 17 September 1987 untuk membantu isi rumah termiskin dengan menyediakan skim pinjaman mikro kredit. Dana skim mikro kredit AIM telah dibiayai melalui 8 perjanjian pinjaman Kerajaan Persekutuan tanpa faedah kepada AIM berjumlah RM857.97 juta mulai tahun 1998 sehingga tahun 2011. Selain itu, AIM turut menerima geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM377.24 juta pada tahun 2010 sehingga 2015 bagi melaksanakan pelbagai fungsi menjadikan jumlah keseluruhan dana Kerajaan yang diterima oleh AIM sebanyak RM1,235.21 juta. Setakat 31 September 2021, baki pinjaman belum selesai AIM dengan Kerajaan adalah sebanyak RM612.2 juta.

Berhubung dana peruntukan Kerajaan yang diterima AIM, penyaluran peruntukan dana dibuat terus kepada AIM. Ketetapan pengagihan dana mengikut negeri dan wilayah adalah ditentukan oleh AIM sendiri berdasarkan permohonan yang diterima. Sehingga kini, skim mikro kredit AIM telah dimanfaatkan oleh 369,400 peminjam yang dikenali sebagai Sahabat.

Sekian, terima kasih.